

Analisis terhadap Statistik Kanak-Kanak yang Memerlukan Pemeliharaan & Perlindungan di Malaysia


Analisis bhg. 3 - Pemangsa, Faktor Penganiayaan, Kesimpulan dan Cadangan



Kategori Pemangsa & Pekerjaan


Jabatan Kebajikan Masyarakat mengelaskan 20 kategori pemangsa bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Daripada senarai ini ternyata kategori pemangsa di kalangan ibu bapa menduduki tangga teratas, di mana bagi tempoh 2014 – 2018, ibu merupakan pemangsa terbesar, diikuti bapa dan kekasih kanak-kanak. (Carta 9).

"ibu merupakan pemangsa terbesar semenjak tahun 2014"



Carta 9: Statistik Kanak-Kanak Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan 2014-2018:
Kategori Pemangsa


Pada tahun 2018, ibu merupakan 27% daripada jumlah pemangsa, bapa 19%, kekasih kanak-kanak 8% dan pengasuh 7% (Carta 10). Daripada jumlah ini, dapat disimpulkan bahawa kira-kira 83% pemangsa merupakan individu yang dikenali kanak-kanak. Ini selari dengan laporan PDRM di Selangor yang mencatatkan sebanyak 75.5% suspek jenayah seksual terdiri dari mereka yang dikenali mangsa. (Siraj Mohd Zaini, 2018)



Carta 10: Statistik Kanak-Kanak yang memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan 2018
 (kiri): Kategori Pemangsa,
 (kanan): Kategori Pekerjaan Pemangsa

Berdasarkan statistik 2018 bagi kategori pekerjaan pemangsa, kakitangan swasta merupakan pemangsa terbesar iaitu sebanyak 19%, diikuti suri rumah sebanyak 18%, tidak diketahui 10%, penganggur 9% dan pekerja kilang serta pekerja sambilan masing-masing merekodkan sebanyak 7% (Carta 10). Data 2018 ini juga konsisten dengan apa yang diperhatikan semenjak tahun 2014, di mana pekerjaan tertinggi pemangsa merupakan kakitangan swasta, diikuti suri rumah, tidak diketahui, penganggur, pekerja sambilan dan pekerja kilang (Carta 11).

Melalui Carta 11, satu-satunya kategori yang menunjukkan penurunan trend dari 2014 ke 2018 adalah pekerjaan pemangsa kategori Pekerja Kampung, di mana dapat diperhatikan bahawa berlaku penurunan dari 420 pada 2014 kepada 303 pada 2015, meningkat sedikit kepada 336 pada 2016, turun kepada 332 pada 2017, dan kepada 249 pada 2018. Ini mungkin dipengaruhi oleh kesan urbanisasi dan penghijrahan generasi muda ke bandar.



Carta 11: Statistik Kanak-Kanak Memerlukan Pemeliharaan & Perlindungan 2014-2018 : Pekerjaan Pemangsa.

Faktor Penganiayaan

Semenjak tahun 2014, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaporkan faktor-faktor yang konsisten bagi sebab berlakunya penganiayaan dan penderaan kanak-kanak. Terdapat 19 sebab yang telah direkodkan seperti di Carta 12. Data ini menunjukkan perihal pentingnya kestabilan dan keharmonian keluarga dalam membendung masalah penderaan dan penganiayaan kanak-kanak. Ini ditunjukkan apabila 3 sebab tertinggi yang direkodkan merangkumi perbalahan keluarga, masalah kewangan dan kecuaian ibu bapa atau penjaga.



Carta 12: Statistik Kanak-kanak yang Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan 2014 – 2018: mengikut Sebab Penganiayaan.
Source between year 2014 to 2018 in my private room on magazine pages.

Jumlah ini merangkumi 49% dari keseluruhan sebab penganiayaan dan penderaan pada tahun 2018 (Carta 13), iaitu 18% disebabkan oleh perbalahan keluarga, 16% masalah kewangan dan 15% kecuaian ibu bapa/ penjaga. Lemahnya jati diri keluarga boleh menyebabkan perbalahan berlaku, terutama di dalam keluarga di kalangan golongan B40 yang terjejas akibat kos sara hidup yang semakin meningkat. Keadaan ini memaksa sebilangan ibu bapa melakukan dua atau tiga pekerjaan sehari, sekaligus berisiko untuk mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak. Faktor sosial dan ekonomi yang tidak stabil ini boleh mengugat keutuhan sesuatu keluarga dan memberi kesan negatif terhadap anak-anak.



Selain dari faktor-faktor ini, faktor terlalu percaya dengan mengikut teman lelaki juga mencatatkan bilangan yang tinggi saban tahun. Pada 2018, 14% daripada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan adalah berpunca dari mengikut teman lelaki. Di usia mentah, kanak-kanak yang dahagakan kasih sayang dan perhatian ibu bapa ini pasti mudah untuk mempercayai teman lelaki terutama apabila mereka diabaikan oleh keluarga disebabkan wujudnya perbalahan, kecuaian atau kesibukan ibu bapa bekerja.

Masalah ketagihan dadah juga pastinya mendorong kesan sampingan. Ini terbukti apabila 10% daripada faktor kanak-kanak yang mengalami penderaan dan penganiayaan adalah berpunca dari ketagihan dadah. Dadah bukan sahaja memberi kesan terhadap sokongan sosial keluarga, malah ekonomi dan spiritual juga turut terjejas. Maka tidak hairanlah jika kanak-kanak yang tinggal di dalam keluarga penagih mudah untuk diabaikan dan dianiaya.

“kestabilan dan keharmonian keluarga merupakan kunci utama kebahagiaan kanak-kanak”



Kesimpulan dan Cadangan

Dapatkan data semasa yang dikompilasi dari laporan-laporan tahunan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengenai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di Malaysia ternyata amat membimbangkan. Trend yang semakin meningkat saban tahun, sedangkan populasi kanak-kanak yang berkurang sepatutnya menyedarkan seluruh masyarakat perihal pentingnya untuk kita melihat secara menyeluruh ekosistem sedia ada yang meliputi aspek kekeluargaan dan sokongan sosial masyarakat.

Berikut adalah beberapa cadangan yang dianjurkan untuk dilaksanakan oleh kerajaan, NGO dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang selamat dan harmoni untuk pembesaran dan perkembangan jasmani, rohani dan psiko-spiritual kanak-kanak. Ini termasuklah:

- i. Menyarankan agar pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat menerbit dan mengeluarkan data yang lebih terperinci mengenai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Ini merangkumi data mengikut sosio-ekonomi, daerah, wilayah, dan taburan usia kanak-kanak. Perolehan data mentah dan data raya juga penting supaya kajian yang lebih mendalam, dan terfokus dapat dijalankan dengan meneliti hubung-kait antara faktor-faktor dan ciri-ciri yang terdapat pada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.
- ii. Kerajaan melalui agensinya seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan NGO perlu berganding bahu untuk meneruskan program pendidikan keluarga dengan lebih giat lagi. LPPKN mempunyai modul-modul pembangunan keluarga yang lengkap dan bersepada. Keberkesanan perlaksanaan modul ini haruslah dipantau supaya penambahbaikan dapat dijalankan segera sekaligus memberi manfaat secara langsung kepada keluarga dan kanak-kanak.

- iii. NGO bersama-sama JKM dan KPWKM perlu bekerjasama supaya penggunaan Talian Kasih dapat ditingkatkan di tahap yang optimum. Talian ini penting kerana ia dilihat sebagai mekanisme yang terbaik untuk menjayakan intervensi awal sebelum konsekuensi lebih buruk yang melibatkan fizikal, emosi, seksual bahkan nyawa menimpa kanak-kanak. Selain iklan di televisyen, masyarakat perlu diberdaya untuk menggunakan talian ini sebaik mungkin. Ini dapat diwarwarkan melalui program-program anjuran bersama agensi dan NGO.
- iv. Melalui perkongsian data raya, kawasan “hot spot” bagi kanak-kanak yang terdedah kepada penderaan dan pengabaian dapat dikenal pasti. Justeru itu, pembangunan modul solusi yang praktikal seperti pembangunan komuniti selamat dapat dibangunkan di kawasan-kawasan seperti ini dan masalah penderaan dan penganiayaan kanak-kanak dapat diatasi. Modul solusi sebegini telah terbukti di beberapa negara maju seperti New Zealand dan United Kingdom, di mana NGO dengan Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan komuniti masyarakat berganding bahu dan bekerjasama bagi memastikan sumber dan dana disalurkan ke tempat yang terbaik dan memberi manfaat secara langsung kepada kanak-kanak.
- v. NGO perlu menerus dan melebarluaskan program pendidikan keibubapaan terutama kepada wanita. Selain dari program yang bersifat formal, sistem sokongan yang bersifat informal harus diwujudkan, terutama apabila wanita khususnya kalangan ibu dilihat sebagai pemangsa utama kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. #kitajagakita menjangkau jauh dari hanya mengelakkan diri dan masyarakat dari dijangkiti virus wabak Covid-19; isu-isu susulan atau sekunder yang lahir dari kecelaran akibat wabak dan masalah ekonomi isi rumah juga perlu ditangani dan diberi perhatian. Komuniti masyarakat haruslah dilatih untuk terus memberi sokongan bersifat informal ini.

Penutup dan Harapan

Laporan ini merupakan langkah awal Wanita IKRAM Malaysia untuk memahami isu dan cabaran sekitar kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Diharapkan dengan usaha kecil ini, Wanita IKRAM Malaysia dapat merangka dan menjalankan program, aktiviti dan langkah-langkah advokasi yang lebih terfokus supaya masalah kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dapat diminimakan. Pepatah Inggeris yang menyebut, 'It takes a village to raise a child' memang bertepatan dengan semangat yang perlu ada pada setiap anggota masyarakat untuk cakna dan memperjuangkan hak golongan yang bakal menerajui kepemimpinan masa depan ini. Semoga usaha kecil ini mendapat keredaan Allah swt dan diberi petunjuk untuk kebaikan ummah.





Wanita
Pertubuhan IKRAM Malaysia

10^{TAHUN}
WANITA
IKRAM